

19/09/1998

Tidak perlu notis untuk Singapura

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Jami'ah Shukri
LANGKAWI, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia tidak perlu memberi notis awal kepada Singapura untuk melarang pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) daripada menggunakan ruang udara negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Singapura sendiri tidak pernah berbuat demikian apabila membuat sesuatu tindakan yang membabitkan rakyat negara ini.

"Bila Singapura ambil sesuatu tindakan, mereka tidak pernah bagi kita masa.

"Tak susah, terbang tempat lain...laut luas. Saya juga pernah lakukan penerbangan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, kerajaan mengumumkan larangan kepada semua jenis pesawat RSAF menggunakan ruang udara Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, berkuatkuasa hari ini.

Bagaimanapun, Kementerian Pertahanan Singapura di sini dalam satu kenyataan malam tadi mendakwa, Malaysia membuat keputusan itu tanpa berunding terlebih dulu atau memberi notis kepada Singapura, walaupun satu daripada perjanjian itu memperuntukkan notis enam bulan.

Kenyataan itu menyebut, RSAF mempunyai persediaan alternatif bagi memastikan keberkesanan operasinya tidak terganggu dan latihannya tidak terjejas.

Di IPOH, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar menjelaskan, notis 24 jam bagi melarang pesawat RSAF menggunakan ruang udara negara tanpa kebenaran semalam, mengikut perjanjian.

Menurutnya, walaupun Peraturan Pertahanan Lima Negara (PPDA) memperuntukkan notis enam bulan, ia juga menyebut Malaysia berhak menarik balik segera kebenaran itu apabila perlu.

"Kita mengakui bahawa mengikut perjanjian FPDA yang membabitkan latihan navigasi, kita perlu memberi notis enam bulan tetapi dalam perjanjian yang sama, ada peruntukan menyebut Malaysia boleh memberi notis sesuai jika perlu.

"Melihat kepada kedudukan strategik, kependudukan dan keperluan menggunakan ruang udara negara untuk keperluan sendiri, kita tidak perlu memberi notis enam bulan, cukuplah sekadar notis 24 jam," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas majlis pemakaian pangkat tauliah Kolonel (Kehormat) kepada Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Syed Hamid menegaskan, keputusan melarang pesawat RSAF menggunakan ruang udara negara mulai hari ini, adalah muktamad. Bagaimanapun kerajaan akan menimbang mengikut kepentingan negara jika RSAF memohon menggunakan ruang udara itu nanti.

Sambil mengulangi Malaysia adalah negara yang patuh kepada perjanjian dan setiap keputusan mengikut peraturan, beliau berkata Singapura sepatutnya menghormati undang-undang antarabangsa serta perjanjian yang termaktub antara kedua-dua negara.

"Keputusan Malaysia itu tidak dibuat tergesa-gesa, sebaliknya sudah dibincangkan sejak setahun lalu. Saya yakin hubungan dua hala antara kedua-dua negara akan berterusan dan tidak memberi sebarang kesan termasuk dalam aspek ketenteraan," katanya.

Beliau juga berkata, keputusan itu tidak ada kaitan dengan beberapa ketegangan yang berlaku antara Malaysia dan Singapura sejak kebelakangan ini.

Syed Hamid bagaimanapun enggan mengulas mengenai tindakan yang akan diambil oleh Malaysia jika Singapura enggan mematuhi peraturan itu.
(END)